

05 NOV 2000

Vietnam-Dewan

PENUBUHAN DEWAN PERNIAGAAN DI VIETNAM AKHIRNYA JADI KENYATAAN

Oleh: Ghazemy Mahmud

HANOI, 5 Nov (Bernama) -- Berikutan tanda-tanda pemulihan selepas ekonomi Vietnam dilanda krisis kewangan, sebuah persatuan perniagaan akhirnya ditubuhkan untuk kepentingan ahli perniagaan Malaysia di sini.

Duta Malaysia Datuk Zainal Zain berkata lesen bagi penubuhan Dewan Perniagaan Malaysia telah diluluskan oleh pihak berkuasa Vietnam baru-baru ini dan sebuah jawatankuasa penaja telah ditubuhkan.

"Kebanyakan negara-negara anggota Asean mempunyai dewan perniagaan masing-masing. Idea bagi penubuhan dewan perniagaan itu disuarakan kira-kira lima tahun lalu tetapi penubuhannya telah tergendala," kata beliau kepada Bernama, di sini.

Beliau berkata, buat masa ini, pejabat utamanya akan ditubuhkan di ibu negara Vietnam itu.

Zainal berkata, anggota-anggota dewan perniagaan itu boleh bertukar-tukar pandangan dan pengalaman sesama sendiri berasaskan senario perniagaan tempatan.

Dewan itu boleh menjalankan promosi serta menyalurkan maklumat bagi meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Vietnam, kata beliau.

Beliau berkata dewan perniagaan Malaysia akan bekerjasama dengan dewan atau persatuan lain dan juga dengan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan, di sini.

"Dewan itu juga menyediakan satu lagi saluran bagi ahli perniagaan dalam urusan mereka dengan kementerian-kementerian berkaitan di sini," kata Zainal, yang ditukarkan ke sini dari Brazil pada 1998.

Mengenai pelaburan langsung, beliau berkata Malaysia menduduki tangga ketiga di kalangan negara anggota selepas Singapura dan Thailand dengan kira-kira 70 projek telahpun dilaksanakan dan Petronas adalah pelabur terbesar.

Menurut pihak berkuasa Vietnam, semakin banyak ahli perniagaan Malaysia melawat Vietnam untuk mencari peluang dan pelaburan.

Mesyuarat sulung dewan itu akan diadakan tidak lama lagi, mungkin bulan ini, dan sebuah lagi pejabat akan ditubuhkan kemudian di Ho Chi Minh City yang menempatkan banyak syarikat Malaysia.

Kira-kira 40 syarikat akan meliputi anggotanya termasuk Petronas, Malayan Flour Mill, Public Bank, Malaysia Airlines, Sunway dan Malaya Glass.

Syarikat-syarikat Malaysia ialah antara yang pertama memasuki Vietnam sejak kekerapan lawatan dua hala antara pemimpin kedua-dua negara sejak awal 90-an termasuk lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir pada 1992.

Sejak mengamalkan dasar membuka pintu pada lewat 80-an di bawah dasar Doi Moi, negara itu telah membangun sedikit demi sedikit.

Beberapa kerja pembinaan infrastruktur asas seperti lebuhraya telah siap termasuk lebuhraya menghubungkan ibu negara dengan kawasan pelancongan di bandar Ha Long Bay di utara dan lapangan terbang antarabangsa Noi Bai, kira-kira 40 km ke tenggara ibu negara itu.

-- BERNAMA

GM RM FAZ